



KENYATAAN MEDIA

**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU
JAAFAR**

**INSIDEN PEGAWAI JABATAN PERHUTANAN YANG
DITEMBAK DI HUTAN SIMPAN DUNGUN**

19 MAC 2017

Berhubung insiden pegawai Jabatan Perhutanan yang ditembak di Hutan Simpan Dungun baru-baru ini, saya memandang serius akan kejadian malang berkenaan yang melibatkan pegawai kerajaan yang menjalankan tugas melindungi khazanah hutan negara. Kejadian ini merupakan satu insiden yang tidak boleh dipandang ringan dan saya agak terkilan apabila adanya individu yang berani mencederakan pihak penguatkuasa.

Sehubungan itu, pihak Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung kejadian ini agar dalang di sebalik kejadian ini dibawa ke muka pengadilan serta dikenakan hukuman yang berat setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan.

Saya telah dimaklumkan bahawa seramai 10 orang anggota Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah menjalankan operasi penguatkuasaan di Kg Serdang, Dungun, Terengganu dan telah menjumpai sebuah *excavator* dan 2 tual balak jenis kapur berada di dalam tanah pertanian berhampiran Hutan Simpan Bukit Bauk. Semakan lanjut mendapati kayu tersebut ditebang di dalam HS Bukit Bauk, bersebelahan tanah tersebut. Seterusnya sebuah *excavator* telah disita dan tiada tangkapan dibuat.

Walau bagaimanapun, pada hari ini ketika kerja-kerja untuk membawa keluar *excavator* tersebut menggunakan *loader* telah kedengaran tiga das tembakan dimana dua orang telah terkena peluru tabur melibatkan pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu dan seorang mekanik. Kesan luka pada kedua-dua mangsa dipercayai tidak serius namun kedua-dua mangsa telah dibawa ke hospital untuk rawatan.